

17 SEP 2003

IBM-PERKHIDMATAN SEDIA ADA/I

PAKAR IBM: DUNIA KINI SAKSI PERNIAGAAN "SEDIA ADA" KIAN MENINGKAT

PETALING JAYA, Sept 17 (Bernama) -- Dunia kini menyaksikan permintaan yang kian meningkat untuk perkhidmatan "sedia ada" (on demand) dan oleh yang demikian, syarikat-syarikat perlu membuat perubahan bagi memenuhi keperluan perniagaan baru ini, kata Dr Michael Loh, pakar dari IBM, Singapura.

Dengan adanya kemampuan menyediakan perkhidmatan "sedia ada", syarikat-syarikat boleh mengoptimumkan operasi dan produktiviti mereka dan sekali gus memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Mereka juga boleh mengurangkan risiko dan memperbaiki kelajuan dan ketangkasan pasaran, kata beliau pada persidangan akhbar bersempena dengan Simposium Rumusan Perniagaan 2003 di sini hari ini.

Dr Loh, yang berpengkhususan dalam e-perniagaan berkata dengan adanya kemampuan perkhidmatan "sedia ada", syarikat boleh memberi respons kepada perubahan pasaran dan menghasilkan produk mengikut kehendak pelanggan dan perkhidmatan tepat masa.

"Daripada pemerhatian saya, malah Industri Perniagaan Kecil di Malaysia sedang berusaha mengadakan perkhidmatan "sedia ada" dalam usaha meraih lebih banyak keuntungan dalam ekonomi global," kata beliau.

"Banyak syarikat IKS Malaysia telah mula memperkasakan e-perniagaan secara lebih dinamik menerusi penggunaan teknologi terbaru ke dalam perniagaan mereka," kata beliau.

Dr Loh berkata agenda "sedia ada" IBM juga sejajar dengan strategi kerajaan Malaysia untuk meningkatkan daya saing negara seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas. -- BERNAMA

DSW MAW SHY AA